



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN DUA KALI SA-BULAN PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 8 BILANGAN 12

RABU, 19 JUN 1963 1383 رابو 27 محرم

PERCHUMA

PERSIDANGAN MALAYSIA

D.Y.M.M. MENYERTAI ROMBONGAN BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin telah berangkat dari Lapangan Terbang Berakas, Brunei ka-Kuala Lumpur dengan menaiki kapal terbang Angkatan Udara Diraja Inggeris pada petang hari Sabtu 15 Jun, 1963.

Tujuan lawatan Baginda ka-Kuala Lumpur ia-lah untuk menyertai rombongan perwakilan dari Brunei mengenai perundingan muktamad kemasokan Brunei ka-dalam Persekutuan Malaysia.

MALAYSIA: Wakil2 Brunei Ka Malaya

BERAKAS. — Satu perwakilan Kerajaan Brunei, di-ketuai oleh Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un telah berangkat dari sini ka-Kuala Lumpur dengan kapal terbang pada tengah hari Sabtu 8 Jun melalui Labuan dan Singapura untuk mengadakan perundingan yang akhir dengan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu mengenai kemasokan Negeri Brunei ka-dalam Persekutuan Malaysia.

Lain2 anggota perwakilan tersebut ia-lah:

Timbalan Menteri Besar Brunei Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud, Timbalan Setia Usaha Kerajaan Brunei Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Penasehat Perlembagaan Brunei Dato Paduka Neil Lawson, Peguam Negara Brunei Inche Idris Talog Davies, Pegawai Kewangan Negara Brunei Inche John Lee, Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra Dato Paduka Haji Muhammad bin Pengiran Piut, Tuan Haji Mohamed Jamil bin Pehin Udana Khatib Hj. Awang Umar, Inche Isa bin Haji Ibrahim dan Inche Mohamed Taib bin Awang Besar.

Sa-orang juruchakap perwakilan tersebut berkata bahawa anggota2 rombongan itu berharap dapat membincangkan perkara2 yang belum lagi di-selesaikan mengenai hasil mahsul dan lain2 perkara kecil yang kedua2 buah Kerajaan ingin menyelesaikan bagi membuka jalan untuk Brunei berchantum dalam negara yang baharu itu.

Sa-belum Baginda menaiki kapal terbang tersebut, Mufti Negeri Brunei, Sahibul Fadhilah Tuan Al-Haji Ismail Omar Abdul Aziz telah membachakan do'a selamat.

Pada masa kapal terbang tersebut hendak meninggalkan lapangan terbang, Yang Dimuliaikan Mudim Haji Yusof telah menyuarakan azan.

Di-antara ramai orang yang hadir di-lapangan terbang itu untuk mengucapkan "Selamat Berangkat ka-Malaya" kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Maulana Al-Sultan ia-lah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha, Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei Inche A.M. MacIntosh, Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Dato Pa-

duka Haji Mohamed Salleh, Setia Usaha Kerajaan Y.B. Raja Azam dan lain2-nya.

Sementara itu menurut satu berita dari Kuala Lumpur, hampir2 semua perkara mengenai perundingan di-antara Kerajaan2 Brunei dan Persekutuan Tanah Melayu mengenai kemasokan Brunei ka-dalam Persekutuan Malaysia telah selesai, kecuali perkara mengenai hasil minyak.

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan di-jangka mengadakan perundingan dengan Yang Teramat Mulia Tengku Abdul Rahman Putera Al-Haj, Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu untuk menchapai satu persetujuan mengenai perkara tersebut.

Ada-lah di-umomkan dengan rasmi bahawa Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha Sahibul Rae' Walmashuarat Dato Paduka Muda Haji Mohamed Alam ibni Almerhom Duli Pengiran Bendahara Anak Abdul Rahman, D.K., D.S.N.B., D.P.M.B., P.O.A.S., O.B.E., telah di-lantek menjadi Timbalan kepada Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan pada masa Baginda berada di-luar negeri.



D.Y.M.M. MAULANA AL-SULTAN

SAMBUTAN HARI KEPUTERAAN RAJA NEPAL

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah berangkat berchemar duli ka-satu majlis jamuan yang telah di-adakan oleh Pasokan Yang Ke-7 Duke of Edinburgh Own Gurkha Rifle di-bangunan baharu Sekolah China Chung Hwa di-sini bagi merayakan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Raja Nepal pada hari Selasa 11 Jun yang lalu.

Di-antara orang2 kenamaan yang hadir di-majlis tersebut ia-lah Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei Yang Terutama Inche A.M. MacIntosh, Pengarah Gerakan Tentera di-Wilayah2 Borneo Inggeris Major General W.C. Walker dan Residen Limbang Inche Mac Sporrin.

Pancharagam tambur dan serunai dari Pasokan Yang Ke-7 Duke of Edinburgh Own Gurkha Rifle telah bermain di-majlis tersebut.



Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Raja Azam, sa-bagai mewakili Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, telah merasmikan pembukaan Kursus Penghulu2 dan Ketua2 Kampong Daerah Temburong pada 11 Jun, 1963. Dalam gambar ini kelihatan Raja Azam sedang menerima hadiah chenderamata dari-pada penduduk2 Daerah Temburong untuk kabawah D.Y.M.M. (Lihat Muka 4)

BRUNEI MUNGKIN HANTAR WAKIL-WAKIL KA-SOKAN2 ASIA DAN OLYMPIC SA-KIRA-NYA . . . Kata D.S.P.H.M. Yusuf

BANDAR BRUNEI. — "Saya berharap ahli2 sokan kita tidak hanya berharap dengan kejayaan2 yang telah mereka perolehi, tetapi saya harap mereka makin bertambah2 giat lagi kerana sa-bagaimana yang kita semua ketahui pertandingan sokan yang saperti ini bukan-nya sa-takat di-Negeri Brunei atau di-wilayah2 Borneo sahaja, bahkan apabila terbentok-nya Persekutuan Malaysia nanti, sokan ini akan meliputi keseluruhan negeri2 dalam Persekutuan Malaysia dan boleh jadi juga kita akan harus; jika sa-kira-nya mutu sokan kita chukop tinggi, kita menghantar wakil2 kita ka-sokan2 Asia dan Olympic," demikian kata Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim, sa-laku Yang Dipertua, Persatuan Sokan Amateur Negeri Brunei.

Uchapan tersebut telah di-bachakan bagi pehak Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf oleh Inche Husain Zainal, Setia Usaha perlawanan akhir sokan Sekolah2 Melayu Sa-Negeri Brunei di-majlis menyampaikan hadiah2 kepada peserta2 yang berjaya di-temasha sokan itu yang telah di-langsungkan di-padang besar Bandar Brunei petang hari Sabtu 8 Jun, 1963.

Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf, telah di-jadualkan memberi ucapan di-majlis tersebut, akan tetapi oleh kerana beliau telah berangkat ka-Kuala Lumpur atas urusan Negara pada tengah hari 8 Jun, maka beliau telah kiriman ucapan beliau kepada Setia Usaha Perlawanan Akhir Sokan Sekolah2 Melayu Sa-Negeri Brunei untuk di-bachakan di-majlis menyampaikan hadiah2 perlawanan sokan itu.

Pada permulaan ucapan beliau, Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf telah mengucapkan jutaan terima kasih di-atas peluang yang di-beri oleh Ahli2 Jawatan Kuasa Sokan bagi Sekolah2 Melayu Sa-Negeri Brunei untuk beliau memberi ucapan di-temasha tersebut.

BERBESAR HATI

Sa-bagai Yang Dipertua Persatuan Sokan Amateur Sa-Negeri Brunei, Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf berkata bahawa beliau sungguh berbesar hati di-atas langkah2 yang sedang di-ambil oleh Jabatan Pelajaran Brunei untuk mempertingkatkan mutu sokan di-negeri ini yang mana beliau perhati semakin hari ada-lah bertambah2 tinggi darjah-nya.

Beliau telah mengucapkan tahniah atas segala tugas yang di-lakukan oleh Ahli2 Jawatan Kuasa Sokan tersebut.

Seterusnya Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf berkata, "Tuan2 Puan2 sidang hadirin sakalian, di-sini saya sa-bagai Yang Dipertua Persatuan Sokan Amateur Sa-Negeri Brunei ingin memberi ucapan tahniah saya kepada ahli2 sokan kita yang maseh muda ini atas kejayaan yang mereka chapai di-dalam temasha pada petang ini dan bagi mereka yang ta'berjaya pula, saya ingin memberi nasehat dari hati ka-hati, agar mereka tidak berputus asa dan saya seru supaya mereka akan bergiat untuk meneruskan kechenderongan mereka di-dalam lapangan sokan agar di-masa2

yang akan datang mereka akan beroleh kejayaan.

"Saya ingin menegaskan ia-itu di-dalam lapangan sokan, sudah termesti dua perkara yang kita terima, ia-itu kekalahan dan kemenangan.

"Bagi mereka yang mempunyai JIWA SOKAN ('sporting spirit') mereka tidak sa-kali2 berputus asa ia-itu sama ada mereka berjaya atau sa-balek-nya.

"Saya juga menegaskan ia-itu tujuan sokan yang sa-benar-nya bukan sahaja untuk menyandang kemenangan dan untuk melateh tuboh tetapi juga untuk melateh



Y. B. DATO SETIA PENGIRAN HAJI MOHAMAD YUSUF

rohani ia-itu di-dalam menghadapi kekalahan, kita mesti mempunyai jiwa sabar dan perchaya akan kebolehan diri sendiri. Kita harus di-samping bersabar

Melanjutkan Pelajaran Di-Maktab Puteri Johore Baharu

BANDAR BRUNEI.—Seramai 10 orang penuntut perempuan dari Sekolah Melayu dalam Negeri Brunei telah berlepas ka-Persekutuan Tanah Melayu dengan kapal terbang dari Brunei pada 3 Jun yang lalu untuk melanjutkan pelajaran di-Maktab Puteri Tunku Ampuan Mariam, Johore Baharu.

Ini-lah julong2 kali yang penuntut2 dari negeri ini di-pileh untuk melanjutkan pelajaran di-Maktab tersebut atas biasiswa Kerajaan Brunei.

Penuntut2 itu telah di-pileh daripada 60 orang penuntut2 perempuan di-Darjah Tujoh dan Delapan yang telah memasuki peperiksaan tidak berapa lama dahulu.

Penuntut2 yang berjaya itu ia-lah saperti di-bawah ini:

Noridah binti Muhammad, Maznah binti Mohamed Yusof, Fatimah binti Awang Tuah, Norhayati Awang Bakar, Jahrah binti Muhammad dan Mariam binti Mohamed Yusof.

Semua penuntut tersebut ia-lah dari Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei.

Empat orang lagi penuntut2 yang berjaya di-pileh untuk melanjutkan pelajaran di-Maktab Puteri Tunku Ampuan Mariam, Johore Baharu ia-lah:

Rosinah binti Ja'afar, Rosnah binti Ibrahim, Mastura binti Ismail dan Fatimah binti Sha'ari.

Kesemua-nya itu ia-lah dari

Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong.

Mereka ada-lah berumur diantara 13 dan 15 tahun.

Inche Mohamed Husain bin Mohamed Yusof, Ketua Nadzir Sekolah2 Melayu Negeri Brunei yang mengetuai penuntut2 tersebut ka-Persekutuan Tanah Melayu berkata di-lapangan terbang Berakas di-sini sa-belum berlepas ia-sana bahawa penuntut2 itu akan melanjutkan pelajaran hingga meningkat ka-Darjah Sijil Sekolah Tertinggi di-maktab tersebut.

Sa-telah tamat peringkat Darjah Sijil Sekolah Tertinggi itu, kata lagi Inche Mohamed Husain, ada kemungkinan yang penuntut2 tersebut akan melanjutkan pelajaran ka-peringkat University.

Ramai keluarga dan sahabat handai penuntut2 tersebut telah pergi ka-lapangan terbang Berakas pada petang 3 Jun untuk mengucapkan "Selamat belayar dan sa-moga berjaya dalam lapangan pelajaran yang tertinggi" kepada para penuntut tersebut.

itu, berusaha dengan giat-nya agar kekalahan itu akan dapat di-tebusi dengan kemenangan".

Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf selanjut-nya berkata, "Saya berharap ahli2 sokan kita yang mengambil bahagian pada petang ini khas-nya dan ahli2 sokan sakalian 'am-nya agar mereka tidak jemu2 mempertingkatkan darjah sokan mereka agar mereka akan memberi sumbangan yang berharga di-lapangan sokan kepada Negeri Brunei Darul Salam.

"Sa-bagaimana yang biasa di-adakan pada tiap2 tahun, sokan ini bukan-nya di-adakan di-peringkat sekolah2, bahkan di-peringkat negeri di-bawah anjoran Persatuan Sokan Amateur Negeri Brunei dan seterusnya ka-peringkat Sokan Amateur Wilayah2 Borneo ia-itu di-antara ahli2 sokan dari Sarawak, Brunei dan Sabah.

MUTU SOKAN BERTAMBAH TINGGI

"Tentang hal ahli2 sokan kita di-dalam pertandingan pada tiap2 tahun, boleh-lah di-katakan chukup baik dan mutu-nya pun makin bertambah tinggi."

Ketika menamatkan ucapan beliau di-majlis menyampaikan hadiah2 perlawanan akhir sokan Sekolah2 Melayu Sa-Negeri Brunei pada petang 8 Jun yang lalu, Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf berkata bahawa beliau sa-kali lagi berharap dan berdo'a pada ahli2 sokan sakalian dan juga pegawai2 sokan serta guru2 sekolah, supaya mereka sentiasa bergiat demi untuk meningkatkan mutu ahli2 sokan kerana den demikian "kita dapat bertanding dengan ahli2 sokan dari negeri2 di-merata dunia. Dan tujuan kita bukan sahaja untuk menchari kemenangan bahkan juga untuk menunjukkan kepada dunia luar yang negeri ini mempunyai ahli2 sokan yang bermutu tinggi."

Akhir-nya, sabagai Yang Dipertua Persatuan Sokan Amateur Negeri Brunei, Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf telah mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi dan Ahli2 Jawatan Kuasa Sokan tersebut, guru2 dan juga kepada sakalian yang hadir di-temasha sokan itu.

MENGHADHIRI KURSUS PAIP DI-MAKTAB POLYTEKNIK

BERAKAS.—Tiga orang penuntut Brunei telah berlepas ka-Singapura pada 8 Jun untuk menghadhiri kursus sa-lama tiga tahun dalam pekerjaan paip di-Maktab Polyteknik, Singapura di-bawah Ranchangan Colombo.

Mereka ia-lah Mohamed Yakub bin Haji Abdul Razak, Tajuddin bin Sanip dan Mohamed Ali bin Johari.

Perkhemahan Pengakap2 Sa-Dunia 10 Orang Mewakili Brunei

BANDAR BRUNEI.—Dua orang Guru Pengakap dan enam orang Pengakap telah di-pilih untuk mewakili Negeri Brunei di Perkhemahan Pengakap2 Sa-Dunia Kali Yang Ka-Sabelas yang akan di-langsungkan di-Greece dalam bulan Ogos tahun ini.

Guru2 Pengakap itu ia-lah Inche Abu Bakar bin Othman dari Daerah Belait dan Inche Yahya bin Yusof dari Daerah Brunei.

Inche Abu Bakar, berumur 27 tahun kini menjadi Pesuruh Jaya Pengakap Daerah Belait dan telah menyandang jawatan itu semenjak bulan February tahun ini.

Ia telah berkhidmat dengan Pergerakan Pengakap semenjak tahun 1950. Sa-belum di-lantik menyandang jawatan Pesuruh Jaya Pengakap Daerah Belait, ia telah menyandang beberapa jawatan dalam Pergerakan Pengakap di-Daerah Belait.

Inche Abu Bakar pada masa ini berkhidmat dengan Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad di-Seria.

Ia telah di-pilih menjadi Ketua Rombongan Perwakilan Pengakap2 dari Negeri Brunei ka-Perkhemahan Pengakap2 Sa-Dunia di-Greece.

Inche Yahya juga sa-bagai mana Inche Abu Bakar, berumur 27 tahun. Pada masa ini ia menjadi Guru Pengakap, Pasokan Pengakap Yang Ka-tujuh Brunei, ia-itu Pasokan Pengakap Asrama Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin. Ia telah menyandang jawatan itu semenjak enam tahun dahulu.

Awangku Sharifuddin Balek Dari England

BANDAR BRUNEI.—Awangku Sharifuddin bin Pengiran Metali telah balek ka-Brunei dari England pada 7 Jun yang lalu sa-lepas tamat belajar sa-lama tiga tahun dalam Ilmu Peradaban Sekolah Gambar di-London.

Beliau telah berkhidmat di-Sekolah Gambar Sarawak sa-lama tiga tahun sa-belum berangkat ka-London.

Dalam masa tersebut Awangku Sharifuddin telah mempelajari berbagai2 pekerjaan yang bersangkutan paut dengan Sekolah Gambar di-bawah arahan Inche Tom Harrison, Pengarah Sekolah Gambar Negeri Sarawak.

Awangku Sharifuddin juga telah menjalankan penyelidikan di-beberapa tempat di-Negeri Sarawak di-antara-nya ia-lah di-Gua Niah, di-Gua Sireh dan di-Santubong.

Inche Yahya telah berkhidmat dengan Pergerakan Pengakap di-Negeri Brunei semenjak ia mulai menjadi sa-orang Pengakap Anak Serigala di-Tutong dalam tahun 1945.

Kini Inche Yahya bekerja di-Ibu Pejabat Imigresen Negeri Brunei.

Enam orang Pengakap yang telah di-pilih mewakili negeri ini ka-Perkhemahan Pengakap2 Sa-Dunia di-Greece ia-lah seperti di-bawah ini:

Mohamed Yassin bin Awang Said dari Pasokan Pengakap Brunei Yang Pertama, Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalut Alam, Bandar Brunei.



INCHE YAHYA

Lim Pang Kit dari Pasokan Pengakap Brunei Ke-dua, Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei.

Husin bin Haji Sulaiman dari Pasokan Pengakap Brunei Yang Ke-dua, Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei.

Michael Chee, Pengakap Baginda Queen, dari Pasokan Pengakap Seria Yang Pertama.

Teo Kwan Eng, pemegang "Bushman Thong", dari Pasokan Pengakap Kuala Belait Yang Pertama.

Nikman bin Mohamed Noor, pemegang "Bushman Thong".

PERKHEMAHAN PENGAKAP2 SA-NEGERI BRUNEI

BANDAR BRUNEI.—Perkhemahan Pengakap2 Sa-Negeri Brunei akan di-adakan di-Perkhemahan Pengakap di-Jerudong sa-lama tiga hari mulai daripada hari Juma'at 21 Jun, 1963.

Berbagai2 peraduan dan



INCHE ABU BAKAR

dari Pasokan Pengakap Seria Yang Pertama.

Guru2 Pengakap dan Pengakap2 itu akan di-sertai oleh dua orang penuntut2 Brunei di-United Kingdom.

Penuntut2 itu ia-lah Inche Ali bin Daud dan Awang Abu Bakar bin Haji Ahmad.

Inche Ali dan Awang Abu Bakar chenderong terhadap Pergerakan Pengakap dan sa-belum melanjutkan pelajaran di-United Kingdom, mereka telah menjadi Guru2 Pengakap dalam Pasokan Pengakap Brunei Yang Ke-dua, Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin.

Mereka akan berangkat dari England ka-Greece untuk menghadiri Perkhemahan Pengakap2 Sa-Dunia atas perbelanjaan sendiri.

Pada masa ini Inche Ali sedang mempelajari Ilmu Undang2 di-University Birmingham, manakala Awang Abu Bakar pula kini sedang menuntut di-London Academy.

PESTA KEBUDAYAAN MENYAMBUK MALAYSIA

BANDAR BRUNEI.—Persatuan Seni Budaya Melayu Brunei berchadang hendak mengadakan PESTA KEBUDAYAAN sa-bagai menyambut hari kelahiran Persekutuan Malaysia.

Demikian di-terangkan oleh Awangku Abbas bin Pengiran Haji Besar Setia Usaha Agong, Persatuan Seni Budaya Melayu Brunei.

Beliau menerangkan bahawa

PERSATUAN MELAYU KERIAM

KERIAM.—Persatuan Melayu Keriarn, Tutong akan membina sa-buah rumah persatuan-nya di-Kampung Keriarn dan rumah itu di-jangka akan siap dalam masa dua bulan lagi.

Yang Dipertua Persatuan Melayu Keriarn, Inche Mohamed Noor bin Awang Besar berkata bahawa rumah persatuan tersebut akan di-gunakan, bukan sahaja oleh ahli2 persatuan itu, bahkan rumah itu akan dapat digunakan juga untuk kebajikan masyarakat.

Beliau menjelaskan bahawa pembinaan rumah persatuan-nya itu akan di-usahakan dengan chara bergotong royong oleh ahli2 persatuan-nya dan juga oleh penduduk2 Kampung Keriarn.

CHATETAN: Persatuan Melayu Keriarn telah di-tubuhkan sejak tiga tahun dahulu dan kini mempunyai lebih daripada 100 orang ahli yang terdiri dari laki2, perempuan dan beberapa orang tua.

Kalau Hendak Ka-Luar Negeri...

BANDAR BRUNEI.—Oleh kerana keadaan di-Negeri Brunei sekarang ini telah beransur puleh seperti sedia kala, maka pelancong2 yang hendak keluar dari Negeri Brunei tidak-lah lagi di-kehendakki meminta kebenaran dari Pejabat Imigresen seperti pada masa dahulu.

Hanya pelancong2 yang hendak tinggal bermalam di-Labuan sahaja di-kehendakki meminta kebenaran dari Pejabat Imigresen.

chadangan-nya itu akan di-bawa ka-Persidangan Jawatan Kuasa Tadbir Persatuan Seni Budaya Melayu Brunei sa-belum hujung bulan ini.

Persatuan Seni Budaya Melayu Brunei, kata Awangku Abbas, ingin bergabung dengan lain2 persatuan kebudayaan di-Negeri2 Sarawak, Sabah, Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu sa-lepas terbentuk-nya Persekutuan Malaysia.

Ketika di-tanya apakah di-antara kemajuan2 yang telah di-chapai oleh Persatuan Seni Budaya Melayu Brunei, Setia Usaha Agong persatuan itu menjawab bahawa persatuan-nya telah menghantarkan rombongan2 ka-Singapura untuk mengambil bahagian di-upacara sambutan Minggu Malaysia dan di-Pesta Belia yang telah di-adakan di-Kuala Lumpur dalam tahun ini.

Setia Usaha Kerajaan Merasmikan Kursus Penghulu2 Dan Ketua2 Kampong

BANGAR. — Setia Usaha Kerajaan Brunei Yang Berhormat Raja Azam bin Raja Haji Kamaralzaman sa-bagai mewakili Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah merasmikan pembukaan Kursus Penghulu2 dan Ketua2 Kampong Daerah Temburong pada pagi hari Selasa 11 Jun, 1963. Kursus itu telah diadakan di-Bilek Mahkamah, Bangar sa-lama tiga hari mulai dari hari tersebut.

Dalam ucapan beliau sebelum merasmikan pembukaan kursus tersebut, Yang Berhormat Raja Azam telah menyampaikan titah dukachita Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan kerana Baginda tidak dapat berangkat ka-Temburong untuk merasmikan pembukaan kursus itu, sa-bagai mana yang telah di-jadualkan terlebih dahulu, di-sebabkan sesuatu perkara yang tidak dapat di-elakkan.

Walau bagaimanapun, menurut titah ucapan Duli Yang Maha Mulia, Baginda berchadang hendak melawat ka-Temburong pada satu masa yang akan datang kelak.

Sa-lain dari itu, Baginda juga mengucapkan terima kasih atas ucapan ta'at setia kepada Baginda dan Kerajaan Baginda yang telah di-ikrarkan oleh ra'ayat negeri ini.

Duli Yang Maha Mulia telah menyeru kepada sekalian ra'ayat Negeri Brunei agar memberi kerjasama dalam segala lapangan demi keamanan dan kesentosaan Negeri Brunei Darus Salam.

Yang Berhormat Raja Azam telah di-iringi ka-majlis tersebut oleh Pegawai Pemerintah Pasokan Pulis Daerah Brunei, Penguasa Pulis Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid dan Penolong Penguasa Pulis Inche Ahamd bin Abdul Hamid dari Pasokan Pulis Kehutanan.

Murid2 Sekolah di-Daerah Temburong dan orang ramai telah mengalkan2 ketibaan Setia Usaha Kerajaan dan rombongan sambil mengibarkan bendera Brunei.

Setia Usaha Kerajaan Brunei telah menerima Tabek Kehormatan dari Pasokan Pulis Brunei yang berpusat di-Temburong.

Sa-telah selesai merasmikan pembukaan kursus tersebut, Setia Usaha Kerajaan telah di-perkenalkan oleh Pegawai Daerah Temburong, Inche Mat Noor Macafee kepada Penghulu2 dan Ketua2 Kampong di-Daerah Temburong yang mengambil bahagian dalam kursus tersebut.

Beliau juga telah di-bawa menyaksikan temasha mengamping yang telah di-adakan di-tanah lapang di-belakang Rumah Sakit, Bangar.

Dalam temasha itu, Inche Mohamed Said bin Zakaria selaku wakil pendudok2 di-Daerah Temburong, telah menyampaikan kapada Setia Usaha Kerajaan untuk ka-bawah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, persembahan kenang2an sa-buah lesong dan alu yang berbentuk kecil dan di-tepi-nya di-ukir dengan perak.

Pengelola Kursus Penghulu2 dan Ketua2 Kampong itu, Awangku Mohamed Yassin bin Pengiran Othman, Pegawai Luar di-Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei menyatakan di-majlis pembukaan rasmi kursus itu bahawa tujuan Kerajaan mengadakan kursus itu ialah untuk mengeratkan perhubungan di-antara Penghulu2 dan Ketua2

Kampong dengan kaki tangan Kerajaan bagi menjalankan kerja2 mereka dengan mudah.

Kursus itu juga bertujuan untuk menerangkan dasar dan kedudukan Kerajaan pada masa ini, bukan sahaja perlu untuk di-ketahui oleh Penghulu2 dan Ketua2 Kampong bahkan perlu dan mustahak di-ketahui oleh ra'ayat yang tinggal di-negeri ini, kata-nya lagi.

Beliau berharap kepada Penghulu2 dan Ketua2 Kampong yang mengambil bahagian dalam kursus itu supaya dengan sabera boleh menerangkan sa-mula kapada anak2 buah mereka segala2-nya yang mereka perolehi dari kursus itu.

Kursus tersebut di-mulakan pada petang hari Selasa 11 Jun

dengan membentangkan hal ehwal kemajuan oleh Pesuruh Jaya Kemajuan Negara, Inche Sa'ad bin Marzuki.

Peserta2 itu juga di-beri peluang untuk mengemukakan pertanyaan2 dan chadangan2 mengenai hal ehwal kemajuan kampong2 mereka.

Inche Sa'ad telah menjelaskan bahawa sakira-nya chadangan2 dari Penghulu2 dan Ketua2 Kampong itu di-fikirkan elok di-usahakan, maka jabatan-nya akan memanjangkan kepada pehak yang berkuasa supaya di-ambil keputusan.

Ketika menjawab pertanyaan sa-orang peserta mengenai jalan raya di-Daerah Temburong, Inche Sa'ad menjawab bahawa memang ada chadangan Kerajaan untuk memberbaiki beberapa batang jalan di-daerah itu.

Kursus itu di-tamatkan pada hari Kamis 13 Jun.

SHARAHAN2 UGAMA ISLAM

BANDAR BRUNEI — Lawatan Badan Penerangan Ugama Islam Negeri Brunei untuk memberi sharahan2 ugama di-beberapa tempat di-negeri ini dalam bulan ini ada-lah saperti berikut:

Hari Jumaat 21 Jun: Di-Masjid Lamunin, Tutong mulai dari pukul 10.30 pagi hingga ka-pukul

12.30 tengah hari dan di-Masjid Batu Marang, Muara pada masa itu juga.

Hari Khamis 27 Jun: Di-Masjid Seria mulai dari pukul 6.30 petang ka-pukul 8 malam.

Hari Jumaat 28 Jun: Di-Masjid Pekan Bangar, Temburong mulai dari pukul 10.30 pagi hingga ka-pukul 12.30 tengah hari. Mulai dari masa itu juga di-Masjid Tanah Jambu, Muara.

Inche Abidin Balek Dari Canada

BANDAR BRUNEI. — Inche Abidin bin Abdul Rashid, sa-orang Pegawai Pertadbiran Negeri Brunei telah balek ka-Brunei baharu2 ini dengan kapal terbang dari Canada sa-lepas menghadhiri Kursus Pertadbiran Awam di-University Carlton, Ottawa sa-lama tujuh bulan.

Sa-belum berangkat ka-Canada, Inche Abidin telah menjadi Pemangku Pegawai Daerah, Temburong dan terdahulu dari itu, beliau telah berkhidmat sa-bagai Penolong Pegawai Daerah Belait.

Pada masa ini, Inche Abidin sedang berkhidmat di-Pejabat Setia Usaha Kerajaan Negeri Brunei.

MAJLIS CHERAMAH

BANDAR BRUNEI. — Dewan Belia Antara Bangsa, Brunei telah mengadakan satu majlis cheramah dan jamuan makan bulanan persatuan itu bertempat di-Brunei Sports Club baharu2 ini.

Inche Jaya bin Abdul Latif, Naib Yang Dipertua persatuan tersebut telah memimpin majlis itu.



GAMBAR ATAS: Setia Usaha Kerajaan Brunei Yang Berhormat Raja Azam kelihatan merasmikan pembukaan Kursus Penghulu2 dan Ketua2 Kampong Daerah Temburong. GAMBAR BAWAH: Murid2 Sekolah dan orang ramai di-Bangar mengalkan2 ketibaan Setia Usaha Kerajaan pada 11 Jun.

WAKTU2 SEMBAHYANG DAN AMSAK

Waktu sembahyang dan amsak bagi daerah2 Brunei, Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Khamis 20 Jun hingga ka-hari Ahad 30 Jun, 1963.

Waktu sembahyang dan amsak bagi Daerah Seria dan K. Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

H.B.	Amsak	Suboh	Dzuhor	'Asar	Maghrib	'Isha
20	4.35	4.51	12.26	3.47	6.38	7.51
21	4.35	4.51	12.26	3.47	6.39	7.52
22	4.35	4.51	12.26	3.47	6.39	7.52
23	4.35	4.51	12.26	3.47	6.39	7.52
24	4.35	4.51	12.26	3.47	6.39	7.52
25	4.36	4.52	12.27	3.48	6.40	7.53
26	4.36	4.52	12.27	3.48	6.40	7.53
27	4.36	4.52	12.27	3.48	6.40	7.53
28	4.36	4.52	12.27	3.48	6.40	7.53
29	4.36	4.52	12.27	3.48	6.40	7.53
30	4.37	4.52	12.28	3.49	6.40	7.53

Kerajaan Bersedia Memimpin Ra'ayat Ka-Jalan Yang Benar — KATA INCHE SUNNY

BUNUT. — Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Inche Sunny bin Ahmat telah berkata pada petang 10 Jun bahawa Kerajaan Brunei ada-lah berdiri tegak di-samping mereka yang patoh kepada Undang2 Negeri dan tidak akan berasa belas kasihan buat di-masa hadapan kepada mereka yang mungkin mengganggu ketenteraman dan kebebasan ra'ayat jelata.

Beliau telah memberi ucapan tersebut di-upacara mengangkat sumpah 82 orang tahanan yang telah selesai menjalani kursus pemulahan di-Pusat Pemulahan, Bunut.

mereka sesat di-hujung jalan hendak-lah balek ka-pangkal jalan.

Di-samping itu, Inche Sani juga menggesa mereka supaya membuka lembaran baharu dalam sejarah hidup mereka demi kepentingan, keamanan dan kesentosaan Negara Brunei Darus Salam.

Selanjut-nya beliau menegaskan bahawa Kerajaan ada-lah bersedia pada bila2 masa untuk memimpin ra'ayat ka-jalan yang benar menuju ka-arrah penghidupan yang bahagia.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Muhammad dari Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei telah menjalankan upacara mengangkat sumpah.

Orang2 tahanan yang di-bebaskan itu ia-lah kumpulan yang ka-enam yang telah di-bebaskan sa-telah menjalani kursus pemulahan di-Bunut.

Dengan itu sa-ramai 403 orang telah di-bebaskan sa-sudah menjalani kursus pemulahan tersebut.

Telaga Perchubaaan Yang Baharu Di-Laut

SERIA. — Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad menyatakan bahawa telaga perchubaaan yang di-korek di-perayaan tujuh batu dari pantai Kuala Belait telah menunjukkan ada-nya "hydro-rhone", satelah telaga itu di-li sa-dalam 6,000 kaki.

Telaga itu mungkin mempunyai hasil yang sadikit, meskipun ia-nya hanya merupakan gas.

Akan tetapi, jika sakira-nya ada tanda2 yang menjunjukkan ada-nya minyak di-telaga itu, mungkin ini tidak mencukupi atau sesuai di-keluarkan untuk perniagaan. Demikian menurut kenyataan tersebut lagi.

Orang2 tahanan tersebut ada-lah mengandungi sa-orang China, 3 orang Iban, 3 orang Dusun dan 75 orang Melayu.

Mereka telah di-bebaskan pada hari Selasa 11 Jun.

Inche Sunny menjelaskan bahawa Kerajaan ada-lah mempunyai harapan tinggi supaya mereka tidak lagi mendengar hasutan2 dan tipu daya sesiapa jua pun yang memanggil diri mereka sabagai pemimpin2 negara.

Orang2 yang serupa ini, kata beliau, ada-lah sentiasa mementingkan diri mereka sendiri dan bertujuan sa-mata2 menggunakan ra'ayat untuk menjadi perkakas demi memenohi hawa nafsu mereka yang tamak.

Inche Sunny menyeru kepada orang2 tahanan itu supaya berazam dan menghindarkan diri hari tertipu oleh anasir2 jahat dan sa-telah mereka ketahui bahawa

Pelayaran Kapal Kerajaan Brunei/Labuan

BANDAR BRUNEI. — Mulai dari 6 Jun, 1963 hingga ka-tarikh yang akan di-umumkan kelak, kapal Kerajaan Brunei yang berulang alek dari Brunei ka-Labuan sa-banyak dua kali sa-minggu, ia-itu pada tiap2 hari Isnin dan Khamis akan belayar dari Brunei ka-Labuan dan dari Labuan ka-Brunei saperti di-bawah ini:

Belayar dari Brunei ka-Labuan pada pukul 7.45 pagi dan tiba di-Labuan kira2 pada pukul 11.15 pagi.

Belayar dari Labuan ka-Brunei pada pukul 2 petang dan tiba di-Brunei kira2 pada pukul 5.30 petang.

HARGA BARANG2

BANDAR BRUNEI. — Pengawal Kastam Negeri Brunei telah menetapkan harga barang2 yang di-sebutkan di-bawah ini bagi tujuan mengenakan cukai2 mulai dan termasuk 10 Jun, 1963:

Lada puteh—\$118.80 sa-pikul. Lada hitam—\$79.20 sa-pikul. Engkabang—\$46.25 sa-pikul.

Kursus Penghulu2 Dan Ketua2 Kampong Daerah Brunei/Muara

BANDAR BRUNEI. — Kursus Penghulu2 dan Ketua2 Kampong Daerah Brunei dan Muara akan di-adakan sa-lama tiga hari mulai dari hari Sabtu 22 Jun, 1963 di-bawah anjoran Kerajaan dan di-uruskan oleh Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei.

Jadual penoh kursus itu adalah di-siarkan di-bawah ini:

HARI SABTU 22 JUN

9.15 pagi: Peserta2 berkumpul di-tempat kursus di-bawah kelolaan Pengelola Kursus, Awangku Mohamed Yassin bin Pengiran Othman, Pegawai Luar di-Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei.

9.30 pagi: Pengelola Kursus memberi penerangan mengenai tujuan di-adakan kursus itu.

10 pagi: Menurut rancangan yang telah di-atorkan, pembukaan rasmi kursus itu mungkin di-ishtiharkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Maulana Al-Sultan.

11.30 pagi — 12.15 tengah hari: Penerangan oleh Setia Usaha Kerajaan atau wakil beliau mengenai kedudukan pertadbiran dan perhubungan-nya, diikuti dengan so'al jawab.

12.30 tengah hari: Makan tengah hari. 1.45 petang: Semua peserta berkumpul di-tempat kursus.

2 — 3 petang: Penerangan mengenai rancangan perkembangan negara oleh Pesuruh Jaya Perkembangan Negara.

3 — 4 petang: Penghulu2 dan Ketua2 Kampong akan mengadakan perbincangan atas sharahan yang telah di-adakan. Pegawai Daerah Brunei dan Muara atau Pengelola Kursus akan memberi penjelasan.

4.30 petang: Minum Teh. 5.15 petang: Rihat. 6.45 petang: Makan malam. 7.30 malam: Sembahyang. 8.15 malam: Pertunjukan wayang gambar oleh Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei. 10 malam: Tidor.

HARI AHAD 23 JUN

7.30 pagi: Makan pagi. 8 pagi: Semua peserta berkumpul di-tempat kursus.

8.15 — 9 pagi: Ulasan atas sharahan yang telah lalu dan penerangan mengenai jadual oleh Pengelola Kursus.

9.00 — 10.00 pagi: Sharahan

mengenai tanggung jawab Penghulu2 dan Ketua2 Kampong dalam pertadbiran oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara diikuti dengan so'al jawab dari peserta.

10.00 — 11.00 pagi: Sharahan mengenai perubatan dan kesihatan oleh Pegawai Perubatan Negara, Brunei di-ikuti dengan so'al jawab dari peserta2.

11.00 — 11.15 pagi: Rehat dan minum.

11.15 pagi — 12.15 tengah hari: Sharahan mengenai tugas Pasokan Pulis oleh Pesuruh Jaya Pulis Negeri Brunei, di-ikuti dengan so'al jawab oleh peserta2.

12.30 tengah hari: Makan tengah hari. 4.40 petang: Minum Teh. 5.15 petang: Rehat dan permainan. 6.45 petang: Sembahyang. 7.30 malam: Makan malam.

8.15 malam: Perbincangan atas sharahan yang telah di-adakan.

HARI ISNIN 24 JUN

7.30 pagi: Makan pagi. 8.00 pagi: Semua peserta berkumpul di-tempat kursus.

8.15 — 9.00 pagi: Ulasan atas sharahan yang telah lalu dan penerangan mengenai jadual oleh Pengelola Kursus.

9.00 — 10.00 pagi: Sharahan Ugama oleh Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Brunei di-ikuti dengan so'al jawab dari peserta.

10.00 — 11.00 pagi: Sharahan mengenai perkembangan pertanian oleh Pegawai Pertanian Negara, Brunei.

11.00 — 11.15 pagi: Rehat dan minum.

11.15 pagi — Upacara penutup kursus.

Sokan Daerah2

Dan Sa-Negeri

BANDAR BRUNEI. — Pertandingan Sokan Kejohanan Daerah Brunei di-bawah anjoran Persatuan Sokan Amateur Negeri Brunei akan di-adakan di-Padang Besar Bandar Brunei pada petang hari Ahad 23 Jun, 1963.

Pada petang hari tersebut juga akan di-adakan Pertandingan Sokan Kejohanan Daerah Seria/Belait.

Pertandingan Sokan Kejohanan Sa-Negeri Brunei akan di-adakan di-Seria pada hari Ahad 30 Jun.



Penuntut2 Brunei yang telah melanjutkan pelajaran ka-Maktab Puteri Tuanku Ampuan Mariam, Johore Baharu pada 3 Jun bergambar dengan Inche Mohamed Husain bin Mohamed Yusof, Ketua Nadzir Sekolah2 Melayu Brunei (kiri sa-kali) di-Lapangan Terbang Berakas. Berita-nya di-siarkan di-muka 2.

PERTANDINGAN BINTANG RADIO BRUNEI

M. Noordin — Johan Laki2

Julia Chee — Johan Wanita

BANDAR BRUNEI. — Inche M. Noordin, sa-orang biduan tempatan yang sedang meningkat maju dalam seni suara telah berjaya menyandang dua gelaran kejohanan menyanyi dalam Pertandingan2 Bintang Radio Brunei dalam bulan Jun ini. Gelaran yang pertama di-dapati oleh-nya ia-lah pada malam 1 Jun apabila ia di-pilih menjadi johan dalam Pertandingan Bintang Radio bagi Daerah Brunei dan Muara. Enam malam kemudian pula, "Bintang" M. Noordin telah bersinar dengan terang ben-derang lagi, kerana pada malam itu-lah ia telah di-pilih menjadi johan dalam Pertan-dingan Akhir Bintang Radio Brunei bagi tahun 1963.

Pertandingan Akhir Bintang Radio Brunei untuk menentukan kejohanan penyanyi2 bahagian2 laki2 dan perempuan bagi seluruh Brunei pada tahun ini telah di-adakan di-sabuh pentas di-Padang Besar Bandar Brunei pada malam 7 Jun dengan mendapat sambutan yang baik dari kalangan orang ramai dan di-saksikan oleh tidak kurang daripada 5,000 orang dari berbagai2 bangsa.



INCHE M. NOORDIN

Radio Brunei juga telah memancarkan terus ka-udara dengan serentak pada masa di-adakan pertandingan menyanyi tersebut supaya dapat-lah orang2 yang tidak pergi ka-padang besar di-sini untuk menyaksikan pertan-dingan itu, mendengar-nya me-nerusi radio.

Inche M. Noordin telah men-nyanyikan Lagu Asli — Sri Kedah dan Langgam — Seruling Senja dalam Pertandingan Akhir Bin-tang Radio Brunei baharu2 ini. Ia telah mendapat sa-jumlah 92 mata.

Ia telah menjadi naib johan dalam Pertandingan Akhir Bin-tang Radio Brunei pada Tahun 1962.

Inche M. Noordin, berumur 20 tahun pada masa ini menjadi Guru di-Sekolah Melayu Lela Menchanai. Ia telah mendapat latehan-dalam Ilmu Perguruan di-Maktab Latehan Guru2 Melayu Brunei dan bekas penuntut Seko-lah Melayu Sultan Muhammad Jemalul Alam, Bandar Brunei.

Gelaran naib johan dalam pertandingan menyanyi tersebut telah di-chapai oleh Inche H.B. Adnani anggota Pancharagam Pulis Brunei dari Daerah Brunei dan Muara. It telah mendapat 91½ mata, ia-itu hanya sa-tengah mata sahaja kurang daripada jumlah mata yang di-dapati oleh Inche M. Noordin.

Inche Adnani telah menyanyi-kan Lagu Asli — Sri Kedah dan Langgam — Rayuan Hasrat-ku.

Dalam Pertandingan Bintang Radio Daerah Brunei dan Muara pada tahun ini, Inche Adnani telah mendapat gelaran yang ke-tiga.

Inche A.T. Ahmady, juga dari Daerah Brunei dan Muara kini berkhidmat sa-bagai sa-orang ahli Pancharagam Pulis Negeri Brunei.

Ia mendapat gelaran yang ke-tiga dalam pertandingan menyanyi tersebut dengan memperolehi 91 mata. Dalam Per-tandingan Bintang Radio Daerah Brunei dan Muara tahun ini ia menjadi naib johan.

BAHAGIAN WANITA

Julia binti Chee, atau lebeh terkenal dengan nama Julia Chee, johan bahagian wanita dalam Pertandingan Bintang Radio Daerah Belait pada tahun ini, telah menjadi johan dalam Pertandingan Akhir Bintang Radio bagi Seluruh Brunei Tahun 1963 bahagian wanita.

Penyanyi muda itu telah di-pilih daripada beberapa orang penyanyi wanita dari Daerah2 Brunei-Muara, Belait, Tutong dan Temburong untuk menyandang

gelaran sa-bagai "Bintang Puja-an" bahagian wanita dalam Per-tandingan Akhir Bintang Radio Brunei baharu2 ini.

Lagu2 yang di-nyanyikan oleh Julia dalam pertandingan terse-but ia-lah Lagu Asli — Serunai Malam dan Langgam — Menanti.

Julia, kini berumur 15 tahun ia-lah sa-orang penuntut Darjah Tujuh di-Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait.

Ia telah mendapat gelaran yang ke-tiga dalam Pertandingan Bintang Radio Daerah Belait pa-da tahun 1962 dan mendapat gelaran yang ke-tiga juga dalam Pertandingan Bintang Radio bagi Seluruh Brunei pada tahun 1962.

Semenjak masa itu Julia telah berlateh dengan bersungguh2 dalam lapangan seni suara dan akhir-nya pada malam 7 Jun, 1963 ia telah bergembira sa-telah mendengar sa-orang juru hebah Radio Brunei, Puan Zainab Zainal Abidin mengumomkan, "Johan Bahagian Wanita ia-lah peserta nombor 14 dari Kuala Belait. Markah-nya ia-lah 95 peratus. Dia ia-lah Julia Chee."

Pada masa ini Julia ia-lah sa-crang penyanyi Pancha Kirana Orkest di-bawah pimpinan Bu-jang Johari.

Dua orang penyanyi2 wanita yang terkenal di-Daerah Belait yang suara mereka kerap kali di-dengar menerusi Radio Brunei telah berjaya dalam Pertandingan Akhir Bintang Radio Brunei



PUAN JULIA CHEE

bahagian wanita baharu2 ini.

Penyanyi2 itu ia-lah Norleha Mohamed Noor dan P.I. Sunah.

Norleha telah menjadi naib johan dan P.I. Sunah mendapat gelaran yang ke-tiga.

Jumlah mata yang di-dapati oleh tiap2 orang penyanyi terse-but ada-lah saperti di-bawah ini:

1. Julia Chee — 95 mata. 2. Norleha Mohamed Noor — 93½ mata dan 3. P.I. Sunah — 91 mata.

Norleha telah menyanyikan Lagu Asli — Serunai Malam dan Langgam — Menanti.

Sa-telah selesai pertandingan menyanyi tersebut satu ucapan yang berharga telah di-lafadzkan oleh Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim sa-laku Pengarah Siaran Radio dan Penerangan, Brunei.

Beliau telah mengucapkan berbanyak2 terima kaseh kap-para hadhirin yang telah meml sambutan yang meriah untuk menjayakan temasha tersebut.

Dalam ucapan beliau, Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf telah mengucapkan tahniah kapada penyanyi2 yang berjaya dalam pertandingan Bintang Radio itu serta juga kapada semua penyanyi yang telah tidak berjaya serta berharap penyanyi2 yang tidak berjaya itu akan bernasib baik dalam Pertandingan Akhir Bin-tang Radio Brunei pada tahun hadapan kelak.

Ketika beruchap mengenai seni suara, Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf menegaskan bahawa seni suara ada-lah memegang peranan yang penting dan mempunyai tempat yang istimewa dalam keadaan hidup masharakat pada masa ini.

Beliau berharap agar-nya suara itu sa-harus-nya dapat di-san-jongkan oleh masharakat.

Puan Hajjah Noriah, isteri kapada Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Ali, Timba-lan Menteri Besar Brunei telah menyampaikan hadiah2 kapada peserta2 yang berjaya dalam pertandingan tersebut.



Gambar ramai penyanyi2 yang telah berjaya dalam Pertandingan Akhir Bintang Radio Brunei, Tahun 1963; ahli2 Pancharagam yang bermain di-temasha itu, serta beberapa orang anggota2 Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei.

Sokan Sekolah2 Melayu Seluruh Brunei

BANDAR BRUNEI. — Sekolah2 Melayu Bahagian Belait, dengan memperolehi sa-banyak 152 mata, telah berjaya menjadi johan dalam Perlawanan Akhir Sokan Sekolah2 Melayu Sa-Negeri Brunei yang telah di-adakan di-padang besar di-sini pada petang hari Sabtu 8 Jun, 1963.

Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei Dua telah menyandang gelaran naib johan dengan mendapat sa-jumlah 81 mata.

Lain2 keputusan perlawanan sokan tersebut ada-lah seperti di-bawah ini:

Yang Ketiga — Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei Satu — 65 mata.

Yang Keempat — Sekolah2 Melayu Bahagian Tutong — 61 mata.

Yang Kelima — Sekolah2 Melayu Bahagian Temburong — 14 mata.

Pemenang2 Perisai2 dan Piala2 Perak Rebutan ada-lah seperti di-bawah ini.

Johan semua bahagian di-hadiahkan oleh Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un — di-menangi oleh Sekolah2 Melayu Bahagian Belait.

Johan Bahagian Perempuan di-hadiahkan oleh Pegawai Pelajaran Negara Brunei, Inche Malcolm MacInnes — di-menangi oleh Sekolah2 Melayu Bahagian Belait.

Johan Laki2 "A" di-hadiahkan oleh Inche Norman Bradbury — di-menangi oleh Sekolah2 Melayu Bahagian Belait.

Johan Laki2 "B" di-hadiahkan oleh Inche Abdul Ghani bin Hassan — di-menangi oleh Sekolah2 Melayu Bahagian Belait.

Johan Laki2 "D" di-hadiahkan oleh Inche Johari bin Abdul Razak — di-menangi oleh Sekolah2 Melayu Bahagian Belait.

Johan sa-batu Laki2 "A" di-hadiahkan oleh Inche Ibrahim Abdul Hamid — di-menangi oleh Ibrahim bin Abdul Rahman dari Sekolah Melayu Kilanas, Bahagian Brunei Dua.

Johan Laki2 "C" di-hadiahkan oleh Inche Ali Khan bin Abdul Khan — di-menangi oleh Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Bahagian Belait.

Johan lari terus 100 ela Perempuan "B" di-hadiahkan oleh Pengiran Syed Shahminan — di-menangi oleh Fatimah Rayal dari Sekolah Melayu Sungai Liang Belait.

Johan lari terus 100 ela Perempuan "A" di-hadiahkan oleh Pengiran Muhammad bin Pengiran Matserudin — di-menangi oleh Jariah Montil dari Sekolah Melayu Labi Belait.

Johan lompat pagar 80 meter Perempuan "A" di-hadiahkan oleh Pengiran Haji Momin bin Pengiran Othman — di-menangi oleh Maimun binti Mohamed Salleh dari Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Bahagian Belait.

Johan lompat pagar 120 ela Perempuan "A" di-hadiahkan oleh Inche Hashim Tahir — di-menangi oleh Silan Gibang dari S.M.A.T. Bahagian Belait.

Johan lompat jauh Lelaki "A"

di-hadiahkan oleh Inche Umar Muhammad — di-menangi oleh Harith Abdullah dari Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei.

Johan lompat jauh Perempuan "A" di-hadiahkan oleh Inche Mohamed Yusof bin Mohamed Tahir — di-menangi oleh Sampan Yangsa dari Sekolah Melayu Muda Hashim, Bahagian Tutong.

Johan lompat kijang Lelaki "A" di-hadiahkan oleh Inche Mohamed Yusof Ampuan Daud — di-menangi oleh Abdul Rahman bin Abu Bakar dari Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Bahagian Belait.

Johan lompat tinggi Perempuan "A" di-hadiahkan oleh Inche Jalil Abdul Rahman — di-menangi oleh Norsayah binti Mohamed Noor dari Sekolah Melayu Tanjong Maya, Bahagian Tutong.

Johan lari terus 100 ela Laki2 "A" di-hadiahkan oleh Doktor Chang Wan Yu — di-menangi oleh Abdul Rani Matassan dari Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Bahagian Belait.

Johan lompat tinggi Lelaki "A" di-hadiahkan oleh Inche Sabtu Muhammad — di-menangi oleh Abdul Rahman bin Abu Bakar dari Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Bahagian Belait.

Naib johan semua bahagian di-hadiahkan oleh Kaki Tangan Pejabat Perubatan Brunei — di-

menangi oleh Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei Dua.

Johan Bahagian Perempuan di-hadiahkan oleh Kaki Tangan Pejabat Perkhidmatan Bomba — di-menangi oleh Sekolah2 Melayu Bahagian Belait.

Johan lari 220 ela Perempuan "A" di-hadiahkan oleh Kaki Tangan Pejabat Pertanian Brunei — di-menangi oleh Maimun binti Mohamed Saleh dari Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Bahagian Belait.

Johan lari berganti2 440 ela Laki2 "B" di-hadiahkan oleh Kaki Tangan Pejabat Pertanian, Kuala Belait — di-menangi oleh Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Bahagian Belait.

Johan lari berganti2 440 ela Laki2 "B" di-hadiahkan oleh Kaki Tangan Pejabat Ukur Kuala Belait — di-menangi oleh Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Bahagian Belait.

Johan lari 220 ela Lelaki "A" di-hadiahkan oleh Kaki Tangan Pejabat Tanah Brunei — di-menangi oleh Husain Abdullah dari Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei.

Johan lari berganti2 440 ela Perempuan "A" di-hadiahkan oleh Kaki Tangan Pejabat Letrik Brunei — di-menangi oleh Sekolah Melayu Muhammad Alam Seria.

Johan "A" lempar lembing Perempuan "A" di-hadiahkan oleh Kaki Tangan Pejabat Perubatan, Kuala Belait — di-menangi oleh Uraini Ahmad dari Sekolah

Melayu Sultan Hassan, Bangar, Temburong.

Johan "B" lempar piring Perempuan "A" di-hadiahkan oleh Kaki Tangan Pejabat Perubatan, Kuala Belait — di-menangi oleh Jaminah binti Selamat dari Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria.

Johan "C" baling peluru Perempuan "A" di-hadiahkan oleh Kaki Tangan Pejabat Perubatan Belait — di-menangi oleh Jaminah binti Selamat dari Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria.

Johan lari berganti2 440 ela Perempuan "A" di-hadiahkan oleh Surohan Jaya Pilehan Raya, Brunei — di-menangi oleh Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria.

Johan "A" lari berganti2 440 ela Laki2 "A" di-hadiahkan oleh Kaki Tangan Jabatan Talikom Brunei — di-menangi oleh Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Bahagian Belait.

Johan "B" lari berganti2 440 ela Laki2 "D" di-hadiahkan oleh Kaki Tangan Jabatan Talikom Brunei — di-menangi oleh Sekolah Melayu S.U.A.S Muara, Bahagian Brunei Dua.

Johan "C" lari 880 ela Laki2 "A" di-hadiahkan oleh Kaki Tangan Jabatan Talikom — di-menangi oleh Husain Abdullah dari Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei.

Johan lempar lembing Laki2 "A" di-hadiahkan oleh Awang Mohsin bin Pengiran Damit — di-menangi oleh Yakub Abdullah dari Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei.

Johan buang peluru Laki2 "A" di-hadiahkan oleh Inche Shahbudin Saleh — di-menangi oleh Yakub Abdullah dari Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam Bandar Brunei.



Johan lari 440 ela Laki2 "B" di-hadiahkan oleh Pengurus Sharikat Glamour, Brunei — di-menangi oleh Jumat Tahir dari Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei.

Johan lompat bergalah Laki2 "A" di-hadiahkan oleh Inche Mohamed Daud Serudin — di-menangi oleh Musa Said dari Sekolah Melayu Muda Hashim Bahagian Tutong.

Johan lompat jauh Perempuan "B" di-hadiahkan oleh Sharikat Bee Hin dan Saudara2 — di-menangi oleh Rosinah Morni dari Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait.

Johan lompat kijang Laki2 "B" di-hadiahkan oleh Sharikat Bee Hin dan Saudara2 — di-menangi oleh Jaya Mat dari Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait.

Johan Perempuan "A" di-hadiahkan oleh Inche A. Williamson — di-menangi oleh Sekolah2 Melayu Bahagian Belait.



Dua pemandangan di-temasha Sokan Sekolah2 Melayu Seluruh Brunei baharu2 ini. Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Raja Azam telah merasmikan pembukaan sokan itu dan juga menyampaikan hadiah2.

SAMBUTAN2 HARI JADI BAGINDA QUEEN

BANDAR BRUNEI.— Satu upacara perbarisan bagi menyambut Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen Elizabeth yang kedua telah di-adakan di-Bandar Brunei pada pagi hari Sabtu 8 Jun, 1963.

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin, Yang Terutama Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei Inche A.M. MacIntosh dan Pengarah Gerakan2 Tentara di-Wilayah2 Borneo Inggeris Major General W.C. Walker telah hadir di-majlis tersebut.

Turut hadir di-majlis tersebut ialah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Brunei Dato Setia Marsal bin Ma'un serta Pegawai2 Kanan Kerajaan dan para pembesar negara.

Pasokan2 yang mengambil bahagian dalam upacara tersebut ialah Pasokan Gurkha Rifle dari Batalion yang ka-dua, Pasokan Gurkha 248 Signal Squadron, Pulis Brunei, Pengakap2, Pandu2 Puteri, Palang Merah, Pegawai2 Jabatan Laut, Pegawai2 Kastam, Bomba, Palang Merah, Pancharagam Pulis Brunei dan Pancharagam Gurkha dari Batalion yang kedua.

Yang Terutama Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei telah memeriksa perbarisan2 tersebut dan juga menerima Tabek Kehormatan Diraja.

Satu lagi perbarisan bagi menyambut Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen Elizabeth telah di-adakan di-Kuala Belait pada pagi hari tersebut terdahulu daripada masa perbarisan di-Bandar Brunei.

Yang Terutama Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei telah memeriksa perbarisan itu yang terdiri Pasokan Yang Pertama Highlanders Baginda Queen.

Di-antara pukul 11 pagi dan 12.30 tengah hari tersebut satu

Tengku Yakin Sidang Kemunchak Akan Berhasil

KUALA LUMPUR.—Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu Yang Amat Mulia Tengku Abdul Rahman Putera Al-Haj telah menyatakan bahawa beliau mempunyai keyakinan yang lebeh baik dari masa2 yang lalu bahawa persidangan-nya yang akan datang dengan Presiden Indonesia Soekarno dan Presiden Filipina Macapagal akan mencapai kejayaan.

Keputusan yang di-perolehi di-Sidang Menteri2 Luar Persekutuan Tanah Melayu, Filipina dan Indonesia yang telah selesai baharu2 ini, kata Tengku, akan membuka jalan bagi mengadakan sidang kemunchak tersebut.

Tengku menegaskan lagi bahawa sidang kemunchak itu nanti akan menolong membawa satu perhubungan rapat di-antara tiga buah negara yang tersebut.


majlis jamuan minum dan makan kecil telah di-adakan di-Rumah Yang Terutama Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei untuk meraikan Hari Jadi Baginda Queen.

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah berehemar duli ka-majlis itu.


Ramai Pegawai2 Kerajaan, Pembesar2 Negara dan lain2-nya telah berjongok ka-Rumah Pesuruh Jaya Tinggi pada masa tersebut.

Dalam majlis itu, Yang Terutama Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei telah mulai meminta semua hadirin minum untuk memberi selamat kepada Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan. Kemudian beliau meminta para hadirin minum untuk memberi selamat kepada Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen.

Pancharagam Pulis Brunei dibawah pimpinan Inche R.E. House telah bermain berbagai2 lagu yang merdu di-majlis tersebut.



Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei, Yang Terutama Inche A.M. MacIntosh kelihatan dalam gambar ini sedang memeriksa Perbarisan Askar Gurkha pada masa sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen di-Bandar Brunei pada 8 Jun, 1963.



Sa-bilangan daripada penuntut2 Brunei di-United Kingdom bergambar dengan Dayangku Intan dan Dayangku Mariam di-bangunan Lapangan Terbang London sebelum mereka balek ka-Brunei. Gambar kiriman Inche Abdul Latif Hamid, Pegawai Penerangan, Persatuan Penuntut2 Brunei di-United Kingdom.

Penuntut-Penuntut Brunei Di-England Meraikan Juruhebah2 Radio Brunei

LONDON.— Penuntut2 Brunei di-United Kingdom telah mengadakan satu majlis jamuan makan malam di-Kedai Makan Youn di-Leicester Square, London pada 31 May, 1963 untuk menguchapkan "selamat belayar balek ka-Tanah Ayer" kepada Dayangku Intan binti Pengiran Apong dan Dayangku Mariam binti Pengiran Metali.

Dayangku Intan dan Dayangku Mariam, dua orang juruhebah2 Radio Brunei telah tamat berlatih sa-lama tiga bulan di-B.B.C. London.

Sa-lama mereka berada di-London, mereka juga tidak ketinggalan memasokki menjadi ahli Persatuan Penuntut2 Brunei di-United Kingdom.

Majlis selamat berpisah itu

di-hadhiri oleh ramai ahli2 persatuan tersebut. Inche Adenan bin Penyurat Haji Abu Bakar telah menyampaikan ucapan bagi pehak penuntut2 Brunei yang hadir di-majlis tersebut dalam mana beliau telah menguchapkan selamat balek ka-Brunei kepada Dayangku Intan dan Dayangku Mariam.

Dayangku Intan telah menguchapkan berbanyak2 terima kasih kepada penuntut2 Brunei di-United Kingdom yang telah mengadakan majlis tersebut untuk meraikan-nya dan juga Dayangku Mariam.

Kursus Penghulu2

KUALA BELAIT.— Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Raja Azam bin Raja Haji Kamaralzaman, sa-bagai mewakili Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Maulana Al-Sultan, telah merasmikan pembukaan Kursus Penghulu2 dan Ketua2 Kampong Daerah Belait pada kelmari pagi.

Kursus itu di-teruskan ka-hari ini dan akan tamat esok.

Yang Berhormat Raja Azam juga, sa-bagai mewakili Duli Yang Maha Mulia telah merasmikan pembukaan Kursus Penghulu2 dan Ketua2 Kampong Daerah Tutong pada hari Sabtu yang lalu. Kursus itu telah tamat pada hari Isnin.

KERJA-KERJA KOSONG

Permohonan2 ada-lah di-jemput dari chalun2 yang menjadi ra'ayat Sultan atau siapa berhak untuk di-daftarkan sebagai ra'ayat Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Lembaga Bandaran, Brunei:—

(a) MANDOR: (3 jawatan kosong)

Kelayakan: Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman mengenai kerja2 bandaran, ia-itu, mengawal buroh dan mengawas kerja2 membuang najis, memberseh jalan raya, tangki najis,

tandas2 awam dan lain2-nya.

Gaji: Dalam tingkatan gaji F. 3-4-5-6, \$155-158-160-180x4-200.

(b) PEMANDU: (2 jawatan kosong)

Kelayakan: Pemohon2 mesti-lah mempunyai lesen memandu yang sepatut-nya dan mesti-lah mempunyai pengalaman tentang kerja2 bandaran selama sekurang2-nya 3 tahun dan mempunyai pengetahuan tentang jentera kereta serta boleh membaiki kerosakan yang kecil2.

Tugas2: Chalun2 yang di-pileh

mesti-lah boleh memandu truk, lori, trektor dan land-rover.

Gaji: Dalam tingkatan gaji F.3-4-5-6, \$155-158-160-180x4-200.

Permohonan2 ini mesti-lah di-penohi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, dan mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 27 Jun, 1963.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat mereka.